



NOTIS SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada Pembekal / Kontraktor yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kategori** dan **Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi bekalan / perkhidmatan berikut:-

No. Ruj. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Pendaftaran Kategori, Kepala & Sub- Kepala	Yuran Dokumen (RM)	Tarikh Tutup Pengambilan / Penjualan Dokumen Sebut Harga	Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Sebut Harga
YS/SH/NO.3/2018	Perkhidmatan membekal, menyedia dan menghidang makanan dan minuman untuk Mesyuarat Yayasan Sarawak Tahun 2019	Kategori: C Kepala : VI Sub-kepala : 1C (Catering Services) Status : Bumiputera sahaja	50.00	07 November 2018 (Rabu)	08 November 2018 (Khamis)

2. Dokumen sebut harga hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ)**, **SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** (Jika Berkenaan) sebelum dokumen sebut harga dijual kepada Pembekal Kontraktor yang layak.
3. Segala bayaran yang dikehendaki dalam kenyataan sebut harga ini hendaklah dibuat melalui **KAUNTER TERIMAAN WANG YAYASAN SARAWAK**. Bayaran Yuran Dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat dalam bentuk **Tunai atau Draf Bank** atau **Kiriman Wang Pos (Money Order)** atau **Wang Kiriman Pos Berpalang (Postal Order)** / yang dibayar atas nama **YAYASAN SARAWAK**.
4. Dokumen Sebut harga boleh diperolehi di pejabat Yayasan Sarawak, Wisma Adenan, Jalan Sultan Tengah, 93050 Kuching mulai hari **Khamis, 01 November 2018 hingga Rabu, 07 November 2018** pada waktu-waktu berikut:

Hari	Waktu
Isnin-Khamis	8:00 pagi – 12:30 tengah hari 2:00 petang – 4:30 petang
Jumaat	8:00 pagi – 11:00 pagi 2:30 petang – 4:00 petang
5. Dokumen Sebut harga hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam **PETI TENDER YAYASAN SARAWAK** dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor dan Tajuk Sebut Harga**. Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan selewat-lewatnya jam **12:00 tengah hari** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah:-

Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
c/o Yayasan Sarawak
Wisma Adenan,
Jalan Sultan Tengah, 93050 Kuching

6. Dokumen Sebut Harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
7. Yayasan Sarawak tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

PENGARAH
YAYASAN SARAWAK
01 November 2018